1 Apakah tujuan kerajaan membuat pilihan apabila mengeluarkan sesuatu keluaran?

A Memaksimumkan keuntungan
B Mengurangkan masalah pembaziran
C Memaksimumkan kepuasan pengguna
D Memaksimumkan kebajikan masyarakat

2 Pernyataan yang manakah benar tentang faktor pengeluaran?

A Modal merujuk kepada penawaran yang tidak terhad.
B Buruh merupakan individu yang menggabungkan faktor pengeluaran untuk menghasilkan output
C Tanah merupakan sumber alam semula jadi yang digunakan bagi tujuan menghasilkan barang
D Usahawan adalah individu yang menyumbangkan tenaga fizikal dan mental dalam proses pengeluaran

3 Maklumat berikut berkaitan dengan penyelesaian masalah asas ekonomi.

> Syarikat Kasih Squad Sdn Bhd mengeluarkan pakaian sukan sebanyak 100 helai bagi memenuhi permintaan pasaran.

Apakah masalah asas ekonomi yang belum diselesaikan?

I Apa yang hendak dikeluarkan
II Berapakah hendak dikeluarkan
III Bagaimana hendak dikeluarkan
IV Untuk siapa hendak dikeluarkan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

4 Pernyataan yang manakah merujuk kepada persamaan penyelesaian masalah asas ekonomi dalam sistem ekonomi campuran dan sistem ekonomi perancangan pusat?

A Kaedah pengeluaran menggunakan jentera
B Barang kehendak dikeluarkan berdasarkan mekanisme harga
C Kerajaan memastikan barang keperluan mencukupi untuk rakyat
D Barangan yang dikeluarkan mengikut agihan pendapatan


5 Antara berikut yang manakah akan mengurangkan permintaan terhadap pasaran ayam?

A Harga ikan menurun
B Pendapatan individu meningkat
C Perubahan dalam teknologi penternakan
D Kerajaan menarik balik subsidi kepada penternak ayam

6 Keluk penawaran suatu barang beralih ke kanan disebabkan oleh?

A Berlaku kenaikan faktor pengeluaran
B Harga dijangka naik pada masa hadapan
C Peningkatan tingkat teknologi
D Matlamat pengeluar untuk memaksimumkan untung.

7 Rajah 1 menunjukkan keseimbangan pasaran bagi barang ABC.



Rajah 1

Apakah yang akan berlaku jika harga pasaran barang lebih tinggi dari RM10?

A Lebihan permintaan
B Lebihan penawaran
C Harga tidak berubah
D Harga cenderung naik

8 Jika kerajaan mengetatkan syarat sewa beli kereta Alza, apakah yang akan berlaku?

I Keluk penawaran kereta akan beralih ke kanan
II Kuantiti keseimbangan kereta meningkat
III Permintaan kereta akan menurun
IV Harga keseimbangan kereta menurun

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

9 Jadual 1 berikut menunjukkan harga dan kuantiti diminta suatu barang di pasaran.


Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
10	18
12	16

Jadual 1

Berapakah nilai keanjalan harga permintaan apabila harga berubah dari RM10 ke RM12?

A 0.56
B 1.33
C 1.80
D 2.50

10 Rajah 2 berkaitan dengan keanjalan harga permintaan.



Rajah 2

Pernyataan yang manakah betul berkaitan dengan rajah tersebut?

A Contoh barang adalah barang keperluan.
B Pengguna responsif terhadap perubahan harga.
C Apabila harga naik 10% kuantiti diminta turun 10%.
D Nilai pekali keanjalan harga perminitaan kurang daripada 1.

11 Jadual 2 di bawah ini menunjukkan hubungan antara harga dengan kuantiti yang ditawarkan.

Harga (RM)	Kuantiti ditawar (unit)
2	8
4	**S**

Jadual 2

Jika harga meningkat dari RM2 ke RM4, berapakah nilai **S** jika keanjalan harga penawaran barang tersebut ialah 0.5?

A 10 unit
B 12 unit
C 16 unit
D 24 unit

12 Apakah peranan yang dimainkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) selaku jurubank kepada bank perdagangan?

A Menjaga rizab berkanun
B Menyimpan dan mengurus akaun
C Menguruskan kadar pertukaran asing
D Menguruskan hutang bank perdagangan

13 Maklumat berikut berkaitan Syarikat Liyana Berhad.

> Syarikat Liyana Berhad mempunyai hampir 5000 ribu tenaga kerja yang menjalankan tugas mengikut kepakaran masing-masing. Pada setiap bulan, semua pekerja akan menerima upah yang dimasukkan terus ke akaun mereka. Ini memudahkan mereka menerima upah pada masa yang telah ditetapkan.

Kemudahan manakah yang telah digunakan oleh majikan Syarikat Liyana Berhad?

A Draf bank
B Debit langsung
C Pindahan kredit
D Perintah sedia ada

BAHAGIAN A

[60 *markah*]

*Jawab **semua** soalan di bahagian ini*

1. (a) Jelaskan tanah sebagai faktor pengeluaran.

……..
……..
……..
……..
……..

[4 markah]

(b) (i) Apakah sistem ekonomi yang diamalkan oleh Malaysia?

……....


[1 markah]

(ii) Mengapakah kerajaan campur tangan dalam sistem ekonomi di (b)(i)

……..
……..
……..
……..
……..


[4 markah]

(c) Rajah di bawah menunjukkan penawaran terhadap sesuatu barang.



Terangkan **tiga** penentu yang menyebabkan perubahan keluk penawaran dari S1S1 ke S0S0.

2. (a) Gambar merujuk kepada jenis potongan wajib.



(i) Apakah X?

.....

[1 markah]

(ii) Jelaskan X di (a) (i)

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

(b) Maklumat di bawah berkaitan dengan kemudahan pembiayaan bank perdagangan.

Butiran	RM
Modal diperlukan	12 000
Baki simpanan dalam akaun semasa	8 500

(i) Apakah jenis kemudahan pembiayaan yang sesuai.

.....

[1 markah]

(ii) Jelaskan kelebihan kemudahan pembiayaan tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

BAHAGIAN B

[40 *markah*]

Jawab mana-mana **dua** *soalan daripada bahagian ini*

4. Maklumat berikut berkaitan dengan pengumuman kenaikan gaji penjawat awam di Malaysia

KENAIKAN GAJI DAN PRODUKTIVITI KERJA PENJAWAT AWAM 'PERLU SELARI'

Hari Pekerja tahun ini memberi makna sangat Istimewa kepada kira-kira 1.6 juta penjawat awam di seluruh negara. Pengumuman oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai kenaikan gaji penjawat lebih 13 peratus pada Disember ini sememangnya berita gembira yang ditunggu-tunggu mereka.

Seiring dengan kenaikan gaji tersebut, semua penjawat awam harus memastikan perkhidmatan diberikan kepada rakyat juga adalah yang terbaik. Produktiviti, Kemahiran dan Kecekapan bekerja mestilah cemerlang, sekaligus dapat mengurangkan aduan serta rungutan rakyat terhadap perkhidmatan sektor Kerajaan.

Sumber : Ubahsuai Sinar Harian Online, 3 Mei 2024

(a) Bagaimanakah penjawat awam menggunakan pengumuman tersebut dalam meningkatkan pendapatan mereka. [4 markah]

(b) Mengapakah golongan belia pada masa kini lebih berminat untuk bekerja di sektor awam? [7 markah]

(c) Tindakan kerajaan tersebut memberi kesan terhadap objektif makroekonomi negara. Bincangkan. [9 markah]

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
1 (a)	H1 Sumber alam semula jadi H2 Penawaran adalah terhad H3 Merangkumi sumber-sumber yang boleh diperbaharui dan sumber yang tidak boleh diperbaharui H4 Ganjaran sewa H5 Tidak mempunyai mobiliti geografi H6 Mempunyai mobilti kegunaan	1 1 1 1 1 1 **[Mak.4m]**
1 (b)(i)	Sistem Ekonomi Campuran	1 **[Mak.1m]**
1 (b)(ii)	H1 Membekalkan barangan awam H2 Menstabilkan ekonomi H3 Merapatkan jurang pendapatan H4 Mengurangkan kesan eksternaliti H5 Mengawal harga barang dan perkhidmatan H6 Melaksanakan program ekonomi awam H7 Menjaga Kebajikan masyarakat	1 1 1 1 1 1 **[Mak.4m]**
1 (c)	F1 Harga Faktor Pengeluaran H1 Harga faktor pengeluaran seperti upah buruh adalah mahal F2 Jangkaan Harga Masa Depan H2 Harga dijangka meningkat pada masa hadapan F3 Tingkat Teknologi H3 Teknologi kurang canggih digunakan F4 Matlamat Pengeluar H4 Pemgeluar bermatlamat untuk memaksimumkan keuntungan F5 Dasar Kerajaan H5 Kerajaan meningkatkan cukai kepada pengeluar	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 **[Mak.6m]**
1(d)(i)	Anjal	1 **[Mak.1m]**
1(d)(ii)	H1 Firma turunkan harga H2 Untuk maksimumkan hasil/untung H3 Harga turun sedikit tetapi pertambahan kuantiti dengan banyak H4 Contoh pengiraan dilakukan H5 Pengguna sangat responsif terhadap perubahan harga H6 Barang Kehendak/Barang mewah	1 1 1 1 **[Mak.4m]**

Suka sampel ini?

Kertas Trial SPM

Ekonomi (20+ set)

- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX online banking · download serta-merta